

## ***Journey into America* Menyorot Kepelbagaian Masyarakat Islam Amerika**

Akbar Ahmed meninjau masyarakat Islam di Amerika dalam buku beliau

Oleh M. Scott Bortot

Penulis Staf



Ahmed, memakai tali leher, dan pelajar-pelajarnya membawa para pembaca meneroka masyarakat Islam Amerika.

Washington - Akbar Ahmed telah menghabiskan hidupnya menjelaskan dunia Islam kepada Barat dan juga sebaliknya. Dalam buku terbaru – dan penjelajahan terkininya - beliau menemui dunia Barat dan Islam di Amerika Syarikat dan melihat bagaimana kedua-dua dunia ini berinteraksi.

*Journey into America: The Challenge of Islam* adalah kisah mengenai Ahmed dan lima pelajar yang menjelajah seluruh Amerika, serta kisah yang mereka dapat daripada perbualan dengan masyarakat Islam Amerika di lebih 100 masjid yang terdapat di 70 bandar dan pekan. Apa yang mereka wujudkan adalah potret-potret berlainan jutaan masyarakat Islam Amerika.

Ahmed, seorang bekas diplomat Pakistan dan pengerusi pengajian Islam Ibn Khaldun di Universiti Amerika di Washington, telah mengembara untuk mempelajari lebih lanjut tentang kedudukan Islam di seluruh dunia; bagi buku *Journey into Islam: The Crisis of Globalization*, beliau dan pelajar-pelajar beliau mengembara ke seluruh dunia Muslim. Kali ini, para pelajar ini menjadi jurupandu tempatan untuk menolong Ahmed meneroka masyarakat Islam di Amerika.

“Mereka adalah rakyat Amerika, jadi mereka lebih tahu mengenai Amerika daripada saya dari segi budaya dan ke mana hendak pergi dan tidak perlu pergi, dan mereka dapat bertindak sebagai jurupandu saya, tapi lebih penting lagi mereka menjadi rakan berbual secara intelektual,” kata Ahmed.

“Projek selama satu tahun di lapangan memerlukan banyak pengorbanan daripada kami semua,” kata Ahmed. “Semua orang mempunyai kehidupan dan keluarga mereka sendiri. Semua itu akan diketepikan buat sementara.”

Buku ini merangkumi tempoh berabad lamanya serta kawasan berkilometer jauhnya dan membahas sejarah Amerika dan Islam dari zaman Bapa Pengasas sehingga kini. Ia menceritakan kisah yang kurang diketahui mengenai Alexander Russel Webb, seorang wartawan yang pergi ke Filipina sebagai konsul

Amerika Syarikat. dan memeluk Islam. Webb kemudian mendirikan sebuah masjid di Broadway di New York City, membuka akhbar Islam pertama dan menjadi konsul terhormat kerajaan Uthmaniyyah di New York.

Lawatan ke Universiti Virginia menyorot pendekatan pluraliti agama yang berfikir jauh oleh Thomas Jefferson, presiden Amerika yang ketiga. Sebuah perjalanan ke Utah, tempat asal Gereja Mormon, pula menunjukkan bagaimana umat Islam dan agama minoriti lain Amerika menjalin hubungan yang saling menghormati dan memahami.

Frankie Martin, salah seorang pelajar yang bersama Ahmed, kagum dengan kepelbagaian Islam di Amerika Syarikat.

“Seluruh dunia Islam benar-benar berada di Amerika,” kata Martin dan menambah bahawa orang akan terkejut apabila mengetahui St Louis, Missouri, adalah tempat tinggal bagi 60,000 orang Islam Bosnia. “Kepelbagaian ini benar-benar memberi inspirasi kepada saya.”

Buku ini meneroka kepelbagaian pemikiran serta latar belakang masyarakat Islam di Amerika Syarikat. Bagi Ahmed terdapat tiga jenis orang Islam Amerika iaitu literalis, mistik dan moden.

Untuk menerangkan kategori tersebut, orang Islam Amerika yang menepati ciri-ciri tiga kategori tersebut berkongsi pandangan mereka. Contohnya Imam Mohamed Al-Darsani dari Florida. Meskipun beliau "nampak moden," Imam Mohamed adalah Muslim dalam kategori literalis kerana beliau mengambil tafsiran ketat daripada Quran dan sunnah Nabi. Sheikha Fariha Fatima al-Jerrahi, saudara baru di New York, pula mengambil aspek-aspek mistik Islam dan menggabungkannya dengan unsur-unsur Kristian. Bagi kategori moden pula ialah Najah Bazy dari Michigan yang mempunyai pandangan bahawa Pengisytiharan Kemerdekaan, salah satu dokumen penting penubuhan Amerika, memiliki ciri-ciri keislaman kerana penekanannya pada kesamaan, keadilan dan toleransi.



*Journey into Amerika* meninjau kepelbagaian komuniti Islam Amerika.

Hailey Woldt, seorang ahli pelajar yang mengikuti Ahmed, merasa lebih dekat dengan Bazy kerana mereka berkongsi pengalaman.

“Keluarga saya datang pada masa yang sama [seperti Bazy] melalui Ellis Island,” kata Woldt. “Saya benar-benar memahami cerita penghijrahan datuknya. Bagaimana datuknya bekerja di kilang dan hidup dalam masyarakat Amerika. Dia adalah rakyat Amerika sejati, begitu juga anak perempuannya. Ini menyedarkan saya bahawa Islam adalah sebahagian daripada masyarakat Amerika.”

Ahmed berkata tiga kategori Muslim Amerika ini tidak terpakai apabila bercakap mengenai masyarakat Islam berketurunan Afrika Amerika. Apabila hamba-hamba dari Afrika yang beragama Islam dibawa masuk ke Amerika, mereka kehilangan identiti, kata Ahmed, dan ini menjadi satu cabaran kepada mereka yang ingin kembali ke agama asal nenek moyang mereka.

“Dari situ mereka perlu mencipta Islam mereka dan pemahaman mereka terhadap Islam. Oleh kerana itu, ketiga-tiga kategori ini tidak boleh menjelaskan dengan mudah tentang masyarakat Afrika-Amerika.”

Dengan pengalaman unik keagamaan mereka, Ahmed berkata, amalan orang Islam Afrika-Amerika adalah satu bentuk Islam Amerika. Komuniti imigran Muslim, Ahmed berkata, mungkin menganggap apa yang mereka amalkan itu adalah berdasarkan agama tetapi pada hakikatnya ia berdasarkan pada budaya. Dari segi lain, umat Islam Afrika Amerika cenderung bergantung pada pemahaman teks-teks agama apabila bercakap tentang agama mereka, kata Ahmed.

Ahmed tertarik dengan saudara baru Islam dan sepanjang kembara beliau di Amerika, beliau bertanya kepada mereka ini tentang agama baru mereka. Syeikh Hamza Yusuf dari California, misalnya, memulakan pencarian kerohanian selepas hampir maut dalam kemalangan kereta. Khadijah Rivera dari Florida sentiasa tertarik kepada Tuhan. Meskipun dikelilingi oleh tarikan dunia moden, beliau masuk Islam selepas tamat pengajian kolej.

Buku ini mempunyai bab-bab khas yang membincangkan hubungan Yahudi-Muslim dan Mormon-Muslim. Ahmed berkata tidak seperti kumpulan-kumpulan keagamaan lain di Amerika, Mormon lebih rapat dengan Islam, sebagaimana beliau temui dalam kunjungan ke Utah.

Bagi Yahudi dan Islam, Ahmed menulis dalam bukunya, “tiada dua agama lain yang mempunyai lebih banyak persamaan.” Beliau menyebut cabaran sejarah yang dihadapi oleh orang-orang Yahudi untuk diterima di Amerika Syarikat dan dialog yang berkembang antara orang Islam dan Yahudi.

Ahmed berkata beliau berharap bukunya membantu membina jambatan, memberikan orang Islam dan bukan Islam di Amerika pemahaman yang lebih baik antara satu sama lain.

“Idealnya, saya ingin rakyat biasa Amerika membacanya, dan mudah-mudahan rakyat Islam biasa membacanya, agar mereka boleh menghargai satu sama lain dan belajar tentang satu sama lain,” katanya. “Mereka akan mendapatkan banyak faedah, kerana ini adalah buku pertama yang merungkai isu orang Islam di Amerika dan juga membantu merungkai Amerika itu sendiri.”